




PAMERAN MAYA MENELUSURI JEJAK KEMERDEKAAN



Sejarah Kemerdekaan

Pada 31 Ogos 1957 bertempat di stadium yang baru dirasmikan iaitu Stadium Merdeka, Kuala Lumpur telah menyaksikan peristiwa bersejarah bagi Tanah Melayu iaitu secara rasminya penyerahan pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu daripada pemerintahan British kepada warganegara Tanah Melayu. Pengisytiharan tersebut telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman disertakan

laungan "MERDEKA" 7 kali. Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan dengan iringan Lagu Kebangsaan Negaraku yang buat pertama kalinya diperdengarkan secara rasmi dalam sebuah negara baru. Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di London pada Feb 8, 1956.



سچاناهي کemerdekaan

Rombongan Tunku Abdul Rahman ke Padang Bandar Hilir, Melaka untuk pengumuman kemerdekaan setelah pulang dari London.

Tanggal 31 Ogos 1957. Tarikh keramat bagi seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Hampir 20,000 anak bangsa berkumpul menyaksikan detik-detik bersejarah kemerdekaan negara di depan mata. Penghayatan kemerdekaan bukan sekadar melaung-laungkan perkataan merdeka. Ia merupakan penghayatan dan pemahaman maksud serta kepentingan mempertahankan kemerdekaan yang dikehendaki.



سچاناهی کemerdekaan

Erti kemerdekaan yang sebenar. Erti kemerdekaan bukan sahaja bebas daripada cengkaman penjajah semata-mata, malah kebebasan minda daripada terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang mahu melihat berlakunya perpecahan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Kemerdekaan telah mengangkat maruah dan kedaulatan negara. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dijual beli. Rakyat Malaysia yang cintakan negara wajar memelihara nama baik negara di mana sahaja mereka berada.



menelusuri Jejak kemerdekaan

Menyorot kembali sejarah kemerdekaan negara, Kongres Melayu pertama yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 telah menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Kebangsaan (UMNO).

Usaha ini memantapkan perjuangan dan pembentukan negara dengan bangsa yang berdaulat. Walaupun Tanah Melayu diisytiharkan darurat pada 1948 akibat pemberontakan komunis, namun ia sedikitpun tidak mematahkan semangat para pejuang kemerdekaan tanah air tercinta.

Pada tahun 1954, Tunku mengetuai sekumpulan perwakilan ke London untuk memperolehi kemerdekaan Malaya.

Walaupun percubaan sulung itu tidak berjaya, kemerdekaan akhirnya tercapai setelah melalui beberapa peristiwa.



kronologi kemerdekaan

27 Julai 1955 Pilihan raya Persekutuan pertama diadakan. UMNO telah mengadakan kerjasama dengan MCA yang ditubuhkan pada 27 Februari 1949 dan MIC ditubuhkan pada Ogos 1946 membentuk Parti Perikatan untuk menghadapi pilihan raya tersebut.



دُلْكِ دُلْكِ کَمَرْدَكَانْ

10 Ogos 1955

Tunku Abdul Rahman membentuk Kabinet pertama dianggotai oleh

18 Januari - 6 Februari 1956

Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London

8 Februari 1956

Perjanjian Merdeka telah dimeterai dengan menetapkan tarikh 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



دُلْكَ دُلْكَ كَمِرْدَكَانْ

20 Februari 1956

Tunku Abdul Rahman telah membuat Pengisytiharan Kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir,

21 Mac 1956

Suruhanjaya Perlembagaan Reid, sebuah suruhanjaya bebas telah dibentuk untuk mengkaji dan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

28 – 29 Disember 1956

Tunku Abdul Rahman dicabar supaya menyelesaikan isu pemberontakan komunis. Lalu, **Rundingan Baling** diadakan pada 28-29 Disember 1956 bersama Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM).



Detik-detik kemerdekaan

30 Ogos 1957

Detik 12.00 tengah malam

bendera Union Jack diturunkan di hadapan **Bangunan Sultan Abdul Samad** dan diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu tanda negara mencapai kemerdekaan.
31 Ogos 1957 Pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.



مذکور علیع بندگان ملaysia

Ia bermula pada 29 November 1949 apabila diadakan pertandingan mencipta bendera peringkat kebangsaan. Dalam pertandingan tersebut, ciptaan **Encik Mohamad bin Hamzah (arkitek kerajaan Johor)** dipilih sebagai pemenang dan buat pertama kalinya Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di perkarangan Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950.

Selepas penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diubahsuai sejajar dengan kemasukan Sarawak, Sabah dan Singapura ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.



Kepentingan Jalur Gemilang

Bendera yang uzur harus dimusnahkan dengan cara paling sopan iaitu dengan *membakarnya di tempat yang tertutup*.

Tidak boleh membakar bendera sebagai tanda protes kepada sesebuah negara.

Kedudukan Jalur Gemilang setaraf dengan Perlembagaan.

HORMATILAH JALUR GEMILANG KITA



Kepentingan Jalur Gemilang

Setiap rakyat Malaysia berhak untuk mengibarkan **Jalur Gemilang** dengan syarat bendera itu dikibarkan **mengikut arahan / panduan yang ditetapkan.**

Antara perkara yang perlu diambil perhatian ialah **mengenai tempat, masa, kedudukan, saiz dan susunan.**

Etika dan tatacara memelihara bendera negara juga harus diambil perhatian. Antaranya ialah **cara mengibar, melipat, menyimpan dan memusnahkan bendera.**

Bendera yang **koyak, lusuh dan berubah warna** dianggap sebagai bendera yang uzur. Bendera yang uzur tidak boleh dikibarkan kerana perbuatan itu menunjukkan **rasa tidak hormat kepada bendera.**

